


**RM 2 JE!!**



**Inspem UPM  
pelbagaikan  
kegiatan**

**P**ELBAGAI kerjasama diwujudkan Institut Penyelidikan Matematik (Inspem) Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan institusi penyelidikan luar negara bagi merancakkan usaha institusi pengajian tinggi awam itu mencapai status universiti bertaraf dunia.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Nik Mustapha R Abdullah, berkata sepanjang enam tahun penubuhannya, Inspem berjaya mengajurkan pelbagai kegiatan termasuk bengkel, seminar dan kerjasama penyelidikan membabitkan pakar luar negara, sekali gus membolehkan perkongsian pengetahuan dan teknologi dilaksanakan.

Selain itu, katanya, kunjungan 17 saintis dari luar negara termasuk Indonesia, Amerika Syarikat, Uzbekistan, Jerman, Vietnam, United Kingdom dan Bangladesh dimanfaatkan sepenuhnya penyelidik dan 56 pelajar pasca siswazah Inspem iaitu 22 pelajar sarjana dan 34 doktor falsafah (PhD).

Inspem juga menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti of Massachusetts, Amerika Syarikat pada 2003 bagi menjalin kerjasama merangkumi pertukaran dan pembangunan kakitangan serta pelajar, pengajuran seminar, pertukaran maklumat dan penerbitan serta data akademik kedua-dua pihak.

Terbaru, katanya, Inspem dalam proses mewujudkan MoU dengan Institut Matematik Akademi Sains dan Teknologi Vietnam merangkumi kerjasama penyelidikan Matematik dan pertukaran pelajar pasca siswazah.

"Sehingga kini, Inspem berjaya mengambil pelbagai peluang menjalankan kerjasama dengan penyelidik dan institusi luar negara.

"Ini tentunya membantu usaha memastikan penyelidikan di Inspem sentiasa bertaraf antarabangsa. Pengajuran bengkel membabitkan penceramah ternama dari luar negara hari ini sememangnya sesuai bagi meraikan ulang tahun keenam institut ini," katanya ketika berucap merasmikan Bengkel Permodelan Penyakit di Serdang, semalam. Hadir sama, Pengarah Inspem, Prof Datuk Kamel Ariffin Mohd Atan.

Bengkel tiga hari itu bertujuan memperkenalkan penggunaan teknik dan model Matematik dalam membuat jangkaan dan interpretasi penyakit serta perkembangan terkini mengenainya.